

SULIT

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 6 TAHUN 2021

TARIKH : 26 JULAI 2021 (ISNIN)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : PEJABAT/KEDIAMAN MASING-MASING,
(MESYUARAT SECARA ATAS TALIAN)

HADIR

1. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, *D.I.M.P.-* Pengerusi
(Yang Dipertua)
2. Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin - Ahli Majlis
Tengku Harun, *D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.*
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. Cik Ang Lee Yong - Ahli Majlis
4. Encik Mohd Safiee bin Harun - Ahli Majlis
5. Encik Wong Kim Loon - Ahli Majlis
6. Encik Nadasan a/l Subramani - Ahli Majlis
7. Encik Gan Yee Chin - Ahli Majlis
8. Encik Lim Tou Yih - Ahli Majlis
9. Encik Razali bin Ahmad - Ahli Majlis
10. Puan Nor Aishah binti Abdul Majid - Ahli Majlis
11. Puan Rahimah binti Harun - Ahli Majlis
12. Encik Yong Keh Chyn - Ahli Majlis
13. Encik Abu Bakar bin Mohamad - Ahli Majlis
14. Encik Naharanuar bin Ayob - Ahli Majlis
15. Puan Rogayah binti Ibrahim - Ahli Majlis
16. Encik Norazmi bin Mohamed Tahir - Ahli Majlis
17. Encik Lim Lip Suan - Ahli Majlis
18. YBhg. Dato' Sundararaju a/l Veerappan, *D.I.M.P., P.J.M., P.P.A.-* Ahli Majlis
19. Encik Tan Wee King - Ahli Majlis
20. Puan Thanaletchumy a/p Muthusamy - Ahli Majlis

- | | | | |
|-----|--|---|---------------------|
| 21. | Encik Panalsalwa a/l R Kuppan | - | Ahli Majlis |
| 22. | Encik Zulkipli bin Said | - | Ahli Majlis |
| 23. | Encik Abd Razak bin Ramli | - | Ahli Majlis |
| 24. | TPr Haji Arpaaii bin Haji Sanat, <i>A.M.S., P.P.T., P.K.T.</i> | - | Penolong Setiausaha |

TURUT HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 1. | Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i> | - | Pengarah Jabatan
Perbendaharaan |
| 2. | Encik Hishamuddin bin Ismail, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Korporat dan Pembangunan
Masyarakat |
| 3. | Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap | - | Pengarah Jabatan
Landskap |
| 4. | Puan Lisawati binti Abd. Karim | - | Pengarah Jabatan
Penilaian dan Pengurusan
Harta |
| 5. | Tuan Haji Fauzi bin Din, <i>P.J.K.</i> | - | Pengarah Jabatan Khidmat
Pengurusan |
| 6. | Encik Syamsol Herwan bin Ahmad | - | Pengarah Jabatan
Kawalan Bangunan |
| 7. | Puan Nordila binti Yasir | - | Pengarah Jabatan
Pelesenan |
| 8. | Puan Norain binti Mohamed | - | Pengarah Jabatan
Pengurusan Sisa Pepejal dan
Kesihatan Persekitaran |
| 9. | Puan Hashila binti Hamzah | - | Pengarah Jabatan
Penguatkuasaan |
| 10. | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin | - | Ketua Bahagian Teknologi
Maklumat |
| 11. | Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim | - | Ketua Unit OSC |
| 12. | YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai
Subaramaniam | - | Ketua Unit Audit
Dalam |
| 13. | Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, <i>P.P.T.</i> | - | Ketua Unit
Perundangan |

- | | | | |
|-----|--|---|--|
| 14. | Encik Mohd Shauki bin Jamaludin | - | Ketua Unit
Pesuruhjaya Bangunan |
| 15. | Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin | - | Ketua Pejabat Cawangan
Bandar Saujana Putra |
| 16. | Encik Mohd Khairul bin Darini, <i>P.P.T.</i> | - | Wakil Pengarah Jabatan
Kejuruteraan |
| 17. | Puan Amiezatulhanim binti Zakuan | - | Wakil Ketua Unit Perolehan
dan Ukur Bahan |

TURUT HADIR

- | | | | |
|----|-----------------------|---|----------------------|
| 1. | YB. Tuan Lau Weng San | - | ADUN Kawasan Banting |
|----|-----------------------|---|----------------------|

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|----------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Haridass a/l Ramasamy | - | Ahli Majlis |

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

- | | | | |
|----|------------------------------------|---|--------------------------------|
| 1. | Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus | - | Penolong Pegawai Tadbir |
| 2. | Puan Nur Hazlynda binti Sahimi | - | Pembantu Setiausaha
Pejabat |
| 3. | Puan Rosmawati binti Othman | - | Pembantu Setiausaha
Pejabat |

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	UCAPAN Pengerusi		
	<p>Mesyuarat telah dimulakan dengan bacaan doa bagi ahli mesyuarat yang beragama Islam.</p> <p>Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran YAD Orang Besar Daerah, YB. ADUN Banting, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan dan Ketua-Ketua Unit pada mesyuarat hari ini. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara berikut:</p>		Makluman
	1.1	Beliau mengingatkan kepada semua ahli mesyuarat agar segera mengambil vaksin bagi mencapai matlamat " <i>herd immunity</i> ". Mana-mana ahli mesyuarat yang gagal berbuat demikian tidak akan dibenarkan untuk menyertai program dan mesyuarat MPKL yang akan diadakan kelak.	
2.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT		
	2.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 5 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 24 JUN 2021	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Tan Wee King dan disokong oleh Puan Nor Aishah binti Abdul Majid tanpa pindaan.	Makluman
3.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
	3.1	- TIADA -	Makluman
4.0	MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		

	4.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 6 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 JULAI 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	4.2	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 6 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 JULAI 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><u>Perkara 4.5 (m.s.8)</u></p> <p>Encik Gan Yee Chin ingin mendapatkan penjelasan berkenaan perkara ini.</p> <p><i>Pengarah JPPH memaklumkan perkara ini adalah lanjutan daripada Mesyuarat Bantahan yang telah diadakan. Dalam mesyuarat tersebut, pihak TNB tidak mendapat pengurangan cukai. Selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 145 (1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 menyebut sekiranya mereka masih tidak berpuas hati dengan keputusan mesyuarat, pemilik harta boleh menfailkan saman di mahkamah tinggi. Walau bagaimanapun, pihak TNB telah menarik balik saman selepas mengadakan perbincangan luar mahkamah dengan pihak MPKL.</i></p>	Makluman
	4.3	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 6 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 JULAI 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	

	i.	Cik Ang Lee Yong mencadangkan pemakaian kamera di badan anggota penguatkuasa ketika menjalankan tugas. <i>Dimaklumkan perkara ini akan cuba dimasukkan dalam bajet akan datang.</i>	Makluman
	4.4	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 6 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 JULAI 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	4.5	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 6 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 JULAI 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	4.6	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 6 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 JULAI 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	4.7	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 6 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 15 JULAI 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<u>Perkara 4.2.1 (m.s.7)</u> Puan Nor Aishah ingin mendapatkan persetujuan berkenaan cadangan untuk memasang pagar di kawasan kebun komuniti Taman Langat Murni bagi mengelakkan pencerobohan tanah. <i>Tuan Pengerusi mencadangkan tanaman kontan itu sendiri dijadikan sebagai pagar bagi membezakan kawasan tersebut dengan rizab kawasan yang lain.</i>	Makluman

5.0	MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:																						
	5.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 11 TAHUN 2021 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 JUN 2021																					
	5.1.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman																				
	5.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 12 TAHUN 2021 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 22 JUN 2021																					
	5.2.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman																				
6.0	PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN																						
	6.1	<p><u>ADDENDUM NO.1</u></p> <p>CADANGAN MELANTIK KDEB WASTE MANAGEMENT SDN. BHD. BAGI MELAKSANAKAN KUTIPAN SAMPAH PUKAL DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u><i>Perbandingan Antara MPKL Dan KDEBWM Dalam Pengurusan Kutipan Sampah Pukal</i></u></p> <table border="1" data-bbox="475 1451 1193 1912"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Perkara</th> <th>Majlis Perbandaran Kuala Langat</th> <th>KDEB Waste Management Sdn Bhd</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Skop kerja</td> <td>- Kutipan hanyalah merangkumi taman perumahan dan lot komersial/lot kedai sahaja.</td> <td>- Cadangan kutipan merangkumi taman perumahan, kawasan komersial/lot kedai, perindustrian dan stesen minyak sahaja.</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Kadar</td> <td>1. Rumah Kediaman = RM 1.50 2. Rumah Kedai = RM 3.00 3. Rumah Pangsapuri = RM 4.50</td> <td>1. Rumah Kediaman = RM 2.04 2. Rumah Kedai = RM 1.95 3. Rumah Pangsapuri = RM 100.00 4. Perindustrian = RM 120.00 5. Stesen minyak = RM 10.00 6. Gerai = RM 1.50</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Tempoh Lantikan</td> <td>2 Tahun Mulai 1 September 2019 Tamat 31 Ogos 2021</td> <td>3 Tahun 6 Bulan Mulai 1 September 2021 Tamat 28 Februari 2025</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Kekerapan Kutipan</td> <td>Sebulan sekali sahaja</td> <td>Sebulan 4 kali (seminggu sekali)</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Perkara	Majlis Perbandaran Kuala Langat	KDEB Waste Management Sdn Bhd	1.	Skop kerja	- Kutipan hanyalah merangkumi taman perumahan dan lot komersial/lot kedai sahaja.	- Cadangan kutipan merangkumi taman perumahan, kawasan komersial/lot kedai, perindustrian dan stesen minyak sahaja.	2.	Kadar	1. Rumah Kediaman = RM 1.50 2. Rumah Kedai = RM 3.00 3. Rumah Pangsapuri = RM 4.50	1. Rumah Kediaman = RM 2.04 2. Rumah Kedai = RM 1.95 3. Rumah Pangsapuri = RM 100.00 4. Perindustrian = RM 120.00 5. Stesen minyak = RM 10.00 6. Gerai = RM 1.50	3.	Tempoh Lantikan	2 Tahun Mulai 1 September 2019 Tamat 31 Ogos 2021	3 Tahun 6 Bulan Mulai 1 September 2021 Tamat 28 Februari 2025	4.	Kekerapan Kutipan	Sebulan sekali sahaja	Sebulan 4 kali (seminggu sekali)	JPSPKP
Bil	Perkara	Majlis Perbandaran Kuala Langat	KDEB Waste Management Sdn Bhd																				
1.	Skop kerja	- Kutipan hanyalah merangkumi taman perumahan dan lot komersial/lot kedai sahaja.	- Cadangan kutipan merangkumi taman perumahan, kawasan komersial/lot kedai, perindustrian dan stesen minyak sahaja.																				
2.	Kadar	1. Rumah Kediaman = RM 1.50 2. Rumah Kedai = RM 3.00 3. Rumah Pangsapuri = RM 4.50	1. Rumah Kediaman = RM 2.04 2. Rumah Kedai = RM 1.95 3. Rumah Pangsapuri = RM 100.00 4. Perindustrian = RM 120.00 5. Stesen minyak = RM 10.00 6. Gerai = RM 1.50																				
3.	Tempoh Lantikan	2 Tahun Mulai 1 September 2019 Tamat 31 Ogos 2021	3 Tahun 6 Bulan Mulai 1 September 2021 Tamat 28 Februari 2025																				
4.	Kekerapan Kutipan	Sebulan sekali sahaja	Sebulan 4 kali (seminggu sekali)																				

Syor Jabatan

- i. Berikut adalah pengesyoran daripada pihak jabatan, jika lantikan KDEB Waste Management untuk menguruskan sampah pukat/kebun di kawasan Majlis Perbandaran Kuala Langat diluluskan:
- a) Kutipan hanyalah merangkumi di kawasan seperti berikut:
 - Rumah kediaman
 - Rumah kedai
 - Stesen minyak
 - Perindustrian
 - Gerai
 - Rumah pangsapuri
 - b) Agensi seperti sekolah dan institusi kebanyakannya sampah tersebut diuruskan oleh pihak sekolah dan institusi sendiri.
 - c) Berikut adalah cadangan dan kiraan untuk implikasi kewangan:

BIL	JENIS PREMIS	INVENTORI	KADAR SEUNIT	JUMLAH	SST (6%)	JUMLAH SELEPAS SST
1	RUMAH KEDAI	5422	RM1.95	RM10,572.90	RM634.37	RM11,207.27
2	GERAI	550	RM1.50	RM825.00	RM49.50	RM874.50
3	RUMAH KEDIAMAN	50133	RM2.04	RM102,271.32	RM 0.00	RM102,271.32
4	PERINDUSTRIAN	317	RM120.00	RM38,040.00	RM2,282.40	RM40,322.40
5	RUMAH PANGSAPURI	33	RM100.00	RM3,300.00	RM 0.00	RM3,300.00
6	STESEN MINYAK	34	RM10.00	RM340.00	RM20.40	RM360.40
JUMLAH KESELURUHAN		56489		RM155,349.22	RM2,986.67	RM158,335.89
SEBULAN						RM158,335.89
HARGA SETAHUN						RM1,900,030.68

KEPUTUSAN MESYUARAT

Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini.

7.0	UCAPAN PENANGGUHAN		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Lim Lip Suan,		
	i.	Beliau mengucapkan selamat sejahtera kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, YAD. Dato' Orang Besar Daerah, YB. ADUN Banting, Penolong Setiausaha, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan. Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada hari ini.	Makluman
	ii.	Beliau mengucapkan terima kasih kerana melantik beliau sebagai MPP Zon 4 dan amat menghargai peluang yang telah diberikan.	Makluman
	iii.	Beliau memaklumkan masalah sampah haram merupakan masalah utama yang dihadapi oleh penduduk Taman Dato Hormat. Oleh itu, beliau mencadangkan pihak MPKL menggunakan bajet lestari untuk pengurusan sampah haram dengan membina rumah lestari (rumah sampah). Rumah lestari ini merupakan tempat yang bersih dan mengandungi mesin kompaktor untuk memampatkan sampah ke tahap maksimum sebelum dihantar ke tapak pelupusan sampah. Di Majlis Perbandaran Klang, pihak mereka menggunakan motosikal roda tiga untuk mengutip sampah di laluan-laluan yang sempit. Beliau berharap pihak Majlis dapat menyediakan bajet berkenaan cadangan ini dan menjadikan Taman Dato' Hormat sebagai ' <i>pilot project</i> '.	Makluman
8.0	UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi		
		Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Encik Lim Lip Suan atas ucapan penangguhan pada hari ini dan pihak Majlis akan mengambil perhatian atas pandangan dan cadangan yang disampaikan. Seterusnya, beliau menanggungkan mesyuarat pada hari ini.	Makluman

Mesyuarat ditanggungkan pada jam 9.30 pagi.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Tarikh : 27 Julai 2021

Disemak oleh :



.....
(TPr HAJI ARPAAI BIN HAJI SANAT, A.M.S., P.P.T., P.K.T.)

Penolong Setiausaha,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :



.....
(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh *En. Tan wee King*
dan disokong oleh *En. Wong Kim loon tanpa sebarang Pindaan.*

PETUNJUK :

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JKPM - JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
16. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
17. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN